



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (2)

## SIARAN MEDIA

### BALAI SENI NEGARA BAKAL ANJUR BORNEO CREATIVE AND CULTURE DISTRICT DI KOTA KINABALU

**14 JULAI 2025** – Balai Seni Negara akan menganjurkan **Borneo Creative and Culture District**, sebuah program seni dan budaya berskala besar yang bakal berlangsung dari **26 hingga 28 September 2025** di bandar **Kota Kinabalu, Sabah**. Penganjuran ini digerakkan bagi mewujudkan sebuah pusat kreatif dan budaya yang inklusif serta dinamik, dengan menghimpunkan unsur warisan, budaya dan inovasi melalui pengisian yang memberi ruang kepada keterlibatan pelbagai pihak.

Selain memperkasa sektor pelancongan dan merancakkan ekonomi kreatif, penganjuran ini turut bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan seni dan budaya dalam membentuk identiti serta memupuk perpaduan negara.

Borneo Creative and Culture District mengekalkan semangat penyatuan melalui kerjasama, pelaksanaan program dan jaringan komuniti. Ia digerakkan oleh kreativiti golongan belia dan akar umbi, dengan sokongan institusi pendidikan, agensi serta pemain industri kreatif. Berasaskan pengisian tempatan yang terbuka kepada dunia, program ini turut menggalakkan pertukaran budaya dan pendedahan antarabangsa dalam bidang seni.

Sepanjang tiga hari penganjuran, pelbagai pengisian menarik akan diadakan termasuk pasar seni artisan, demonstrasi seni, pameran oleh institusi seni dan budaya, program bersama komuniti, sesi perkongsian, serta persembahan muzik dan kesenian melibatkan artis dari Sabah, Sarawak dan Brunei. Program juga bakal dimeriahkan dengan penglibatan kolektif seni dan organisasi dari seluruh rantau Borneo.

Sementara itu, Balai Seni Negara berbesar hati menerima sokongan daripada rakan strategik, iaitu Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Balai Seni Lukis Sabah, agensi-agensi dan pihak berkuasa tempatan yang akan turut sama menjayakan program ini.

Sebagai sebuah program rintis yang menyatukan pelbagai pihak dari rantau ini, Borneo Creative and Culture District dilihat sebagai landasan penting untuk memperkukuh ekosistem seni dan budaya serantau. Ia turut membuka ruang kepada kolaborasi yang lebih luas, pertukaran budaya secara langsung serta pendedahan antarabangsa yang mampu melonjakkan bakat tempatan ke tahap lebih tinggi.

Penganjuran ini diharap dapat meletakkan Kota Kinabalu sebagai antara pusat perkembangan seni dan budaya yang penting di rantau Borneo, serta memperkukuh kedudukan bandar ini dalam peta budaya serantau. Maklumat lanjut mengenai pengisian penuh program akan diumumkan melalui media sosial rasmi Balai Seni Negara dan laman sesawang [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my).

---

*Dikeluarkan:*

**Unit Komunikasi Korporat**

**BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Zuriyadi Sarpin**

T: +60 11 1005 5207

E: [zuriyadi@artgallery.gov.my](mailto:zuriyadi@artgallery.gov.my)

**Intan Syazwina Suhaimi**

T: +60 19 998 5884

E: [syazwina@artgallery.gov.my](mailto:syazwina@artgallery.gov.my)